

23/11/2001

Sultan Selangor ke-9 dimasyhur (HL)

Minarni Mat Saad; Salina Abdullah; Fazallah Pit
KLANG, Khamis - Tengku Idris Shah ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini dimasyhurkan sebagai Sultan Selangor kesembilan berikutan kemangkatan ayahanda baginda semalam.

Dengan pemasyhuran itu, Tengku Idris Shah, 55, kini bergelar Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Pemasyhuran itu dibuat oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo di Balairung Seri Istana Alam Shah pada jam 3 petang ini sebelum jenazah Sultan Salahuddin disemadikan di Makam Diraja Sultan Suleiman, di sini.

Istiadat pemasyhuran berlangsung di hadapan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Siti Aishah, Raja-Raja Melayu dan kerabat diraja.

"Dengan kuasa yang diperuntukkan mengikut Perkara 32, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, mengesahkan waris utama kepada sultan iaitu Tengku Idris Shah menjadi Duli Yang Maha Mulia dan Yang Dipertuan bagi Selangor Darul Ehsan dan daerah takluknya," kata Dr Mohd Khir ketika membaca teks pemasyhuran itu.

Pemilihan Tengku Idris dibuat pada mesyuarat Dewan Diraja Selangor, malam tadi yang dihadiri 20 anggota dewan, termasuk Menteri Besar Selangor.

Sultan Salahuddin, Yang di-Pertuan Agong ke-11, mangkat pada jam 11.57 pagi di Pusat Perubatan Gleneagles Intan, Jalan Ampang setelah lima hari berada dalam keadaan kritikal.

Tengku Panglima Diraja Selangor, Tengku Sulaiman Shah selaku Ketua Istiadat Diraja, menyembahkan Keris Panjang Kebesaran Diraja kepada Sultan Sharafuddin Idris Shah yang kemudian mengucup keris tanda perkenan.

Laungan Daulat Tuanku sebanyak tiga kali serta paluan nobat kedengaran menandakan raja dimasyhurkan sebelum tembakan meriam 21 das.

Terdahulu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku ketua Kerajaan Persekutuan menyerahkan jenazah Almarhum kepada Dr Mohd Khir.

Tengku Idris Shah adalah putera sulung Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Nor Saidatul Ihsan Tengku Badar Shah.

Baginda dilahirkan pada 24 Disember 1945 di Istana Jema'ah Klang, Selangor (kini Kolej Islam Sultan Alam Shah).

Tengku Idris adalah putera termuda dalam sejarah raja-raja Melayu dilantik sebagai Raja Muda Selangor pada 3 September 1960, ketika berusia 15 tahun. Pertabalan baginda diadakan 10 tahun kemudian iaitu pada 14 Mac 1970.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yakin Sultan Sharafuddin Idris Shah diterima rakyat, khususnya di Selangor berikutan sikapnya yang prihatin dengan masalah rakyat.

"Kita berharap Selangor akan lebih makmur, aman dan bahagia di bawah kepemimpinan baginda," katanya.

Dr Mohd Khir pula berkata, rakyat Selangor yakin dan percaya dengan kepemimpinan sultan baru yang disifatkan berjiwa kental.

Beliau berkata, kekentalan jiwa dan keberanian Sultan Sharafuddin Idris Shah belayar mengharungi dunia adalah petanda baik kepada rakyat dan negeri Selangor.

"Sifat baginda itu diharap dijadikan perangsang oleh semua rakyat negeri ini untuk maju," katanya sambil menambah upacara pertabalan akan mengambil masa iaitu selepas semua persiapan, termasuk istana siap dibina.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia dan

Selangor, yang sama-sama merasai kehilangan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Pengerusi Perhubungan Umno Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata Sultan Sharafuddin Idris Shah adalah contoh sultan yang menjadi model kerana berpengalaman luas.

"Bagi pihak Umno Selangor dan pimpinan parti, Wanita, Puteri Umno, bahagian dan cawangan, kita mengucapkan tahniah kepada baginda. Kita akan bersama-sama Tuanku memajukan lagi negeri ini," katanya.

(END)